




PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, APRIL 2025

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit (RM billion)




Indeks Volum

Perdagangan Borong & Runcit	160.6	4.3%
	154.0	
Perdagangan Borong	147.8	6.6%
	138.7	
Perdagangan Runcit	185.2	3.4%
	179.2	
Kenderaan Bermotor	130.2	0.8%
	129.1	


■ Apr. 2025 ■ Apr. 2024

Indeks Volum Pelarasan
Bermusim April 2025: -0.3%
(Bulan ke Bulan)

Nilai Jualan Perdagangan Borong (RM billion)



Nilai Jualan Perdagangan Runcit (RM billion)



Nilai Jualan Kenderaan Bermotor (RM billion)



Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

Perdagangan Borong

Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong	2.8%
Jualan Borong Barangan Isi Rumah	6.6%
Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau	7.5%


Perdagangan Runcit

Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan	4.2%
Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain	4.5%
Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Lain Isi Rumah	3.6%

Kenderaan Bermotor

Jualan Kenderaan Bermotor	1.0%
Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor	2.5%
Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor	0.7%

Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit



Nilai jualan Perdagangan borong & runcit Malaysia mencapai RM151.7 bilion pada April 2025, meningkat 4.7 peratus

- Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM151.7 bilion pada April, merekodkan pertumbuhan 4.7 peratus tahun ke tahun.
- Peningkatan jualan pada April didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit. Perdagangan borong mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM67.3 bilion, meningkat RM3.5 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.5 peratus. Perdagangan runcit pula mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM66.8 bilion, meningkat RM3.0 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.7 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor merekodkan nilai jualan berjumlah RM17.6 bilion, meningkat RM0.4 bilion atau 2.1 peratus tahun ke tahun.
- Jualan borong makanan, minuman & tembakau meningkat sebanyak 7.5 peratus kepada RM13.9 bilion. Jualan borong barangan isi rumah turut merekodkan peningkatan, dengan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus tahun ke tahun, mencapai RM14.2 bilion. Begitu juga, Lain-lain pengkhususan jualan borong menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini dengan peningkatan sebanyak 2.8 peratus kepada RM24.6 bilion.
- Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan meningkat 4.2 peratus kepada RM25.7 bilion, manakala Jualan runcit di kedai pengkhususan meningkat 4.5 peratus kepada RM14.1 bilion. Selain itu, Jualan runcit bahan api kenderaan meningkat 5.6 peratus kepada RM6.2 bilion, manakala Jualan runcit peralatan komunikasi & maklumat meningkat sebanyak 5.5 peratus kepada RM5.2 bilion. Sementara itu, Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan lain isi rumah meningkat 3.6 peratus kepada RM7.5 bilion.



- Subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan jualan berbanding April tahun lalu, disokong oleh kenaikan 13.4 peratus dalam Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal, berjumlah RM1.1 bilion. Ini diikuti dengan pertumbuhan 2.5 peratus dalam Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor, mencecah RM5.1 bilion.
- Jualan runcit dalam talian pada April menunjukkan peningkatan dengan indeks meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun disumbangkan oleh promosi sempena perayaan. Walau bagaimanapun, selepas pelarasan musim, indeks merekodkan pertumbuhan -1.2 peratus bulan ke bulan.
- Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit merekodkan peningkatan 4.3 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 6.6 peratus diikuti oleh Perdagangan runcit yang mencatatkan peningkatan 3.4 peratus. Sementara itu, Kenderaan bermotor merekodkan peningkatan marginal 0.8 peratus pada bulan ini. Sebaliknya, selepas pelarasan musim, indeks volum mencatatkan penurunan bulanan sebanyak -0.3 peratus berbanding Mac 2025.

